



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

SIARAN MEDIA

**EAIC KOMITED PERANGI SALAH LAKU INTEGRITI DAN TAMBAH BAIK
PENGUATKUASAAN DI PERAIRAN MALAYSIA**

PUTRAJAYA, 12 Ogos 2024 – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima memorandum daripada Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING) berhubung isu-isu yang mengancam alam sekitar dan kehidupan nelayan pantai di Malaysia hari ini. Memorandum tersebut menuntut tindakan segera untuk menghentikan penggunaan pukot tunda yang telah mengakibatkan kekurangan sumber perikanan dan menimbulkan konflik dengan nelayan pantai. Pihak JARING juga menggesa agar isu-isu pengurusan dan penguatkuasaan oleh jabatan dan agensi yang mengawal selia perairan dan perikanan negara dipertingkatkan.

Tan Sri Dr. Ismail Bakar, Pengerusi EAIC berkata pihaknya mengakui kepentingan isu-isu yang dibangkitkan oleh JARING dan akan meneliti setiap cadangan yang telah dikemukakan bagi mencari penyelesaian yang menyeluruh. EAIC akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan khususnya Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam menangani isu-isu perikanan dan perairan negara bagi memastikan langkah-langkah yang diambil adalah selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa. Langkah ini penting untuk memastikan keselamatan, keadilan, dan ketelusan dalam operasi di lapangan, serta memelihara integriti negara.

EAIC juga akan terus memainkan peranan aktif dalam memastikan integriti dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang, terutamanya berhubung isu-isu yang melibatkan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan komuniti nelayan pantai di Malaysia.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)